

PAS keluar garis panduan kempen pemilihan parti
Malaysian Insider
Sept 10 , 2013

Menjelang Muktamar ke 59, PAS akan mengeluarkan satu garis panduan untuk digunakan oleh pemimpin dan ahli parti itu bagi memastikan proses pemilihan parti berjalan dengan lancar, kata Datuk Mahfuz Omar.

Menurut Naib Presiden PAS itu, garis panduan dibincangkan dalam mesyuarat biro politik parti itu yang berlangsung hari ini dan bertujuan memandu ahli dan pimpinan parti bagi memastikan pemilihan berjalan lancar.

Garis panduan ini dibuat ketika ahli dan pemimpin PAS di seluruh negara sibuk bermesyuarat di peringkat kawasan masing-masing menjelang Muktamar PAS ke 59 pada 22 hingga 24 November depan di Shah Alam.

PAS Pusat dikatakan bimbang, tanpa garis panduan yang jelas, pihak-pihak tertentu akan menyusahkan mereka dalam kempen mereka.

"Berkempen tidak salah tetapi menyerang calon lain ketika kempen adalah tidak beretika," kata salah seorang ahli mesyuarat itu.

Beliau menyalahkan media baru yang digunakan untuk menyerang pihak yang mereka tidak senangi.

Ia menghasilkan persepsi tidak baik di kalangan ahli dan pemerhati luar.

Menurut Mahfuz, pihaknya akan membuat garis panduan bagi membantu semua calon yang ingin bertanding serta penyokong masing-masing supaya kempen mereka tidak menyusahkan dan memberikan imej buruk kepada parti.

Selain di peringkat pusat, ia juga akan membantu mesyuarat PAS di peringkat kawasan yang sedang berjalan sekarang.

"Ia akan dikeluarkan dalam bentuk garis panduan pemilihan oleh pejabat Setiausaha Agung," kata Mahfuz kepada The Malaysian Insider selepas mesyuarat itu selesai tengahari tadi.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sepatutnya mempengerusikan mesyuarat itu tidak dapat berbuat demikian kerana berada di luar negara.

Timbalannya Mohamad Sabu juga tidak dapat menyertai mesyuarat hari ini.

Turut hadir dalam mesyuarat hari ini adalah Naib Presiden Datuk Husam Musa, Ketua Muslimat Zailah Yusof, Setiausaha Agung Datuk Mustafa Ali, Ketua Penerangan Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan Ketua Pengarah Pilihan Raya, Dr Mohamad Hatta Ramli. - 10 September, 2013.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-keluar-garis-panduan-kempen-peilihan-parti>